

02/08/1999

Kerajaan Kelantan perlu ditukar demi pembangunan

KOTA BHARU, Ahad - Pembinaan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) sejauh 340 kilometer dari Karak Ke Terengganu yang akan dimulakan segera adalah mesej jelas Kerajaan Pusat kepada rakyat Kelantan supaya memilih Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Ibrahim Ali, berkata, pembinaan LPT itu juga adalah bukti Kerajaan Pusat melaksanakan program pembangunan untuk faedah jangka panjang kepada rakyat dan bukan pada masa pilihan raya semata-mata.

Sehubungan itu, katanya, rakyat negeri ini perlu menukar kerajaan Pas Kelantan kepada BN sekiranya mahu melihat negeri ini terus membangun dan bersaing dalam arus perdana negara.

"Ini kerana pemilihan kerajaan yang berkemampuan penting bagi mencorakkan tuntutan perubahan termasuk menyediakan kemudahan asas lebih baik seperti pembinaan lebuh raya ke Kota Bharu bagi pemangkin kepada usaha menarik pelabur menanam modal di negeri ini.

"Pelaksanaan sesuatu projek termasuk pembinaan LPT memerlukan sokongan rakyat dan untuk itu adalah penting jika mereka memilih BN supaya setiap program pembangunan dapat dilakukan dengan lancar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan di Bilik Gunasama, Wisma Persekutuan, di sini, hari ini.

Sebelum itu, beliau berucap pada majlis perhimpunan bulanan kakitangan jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan di perkarangan Wisma Persekutuan yang turut dihadiri sama oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan, Datuk Azman Abdul Rashid.

Perdana Menteri ketika lawatan kerja dua hari ke Terengganu yang berakhir Jumaat lalu, berkata pembinaan LPT sejauh 340 kilometer dari Karak ke Terengganu akan dimulakan segera, tetapi kosnya dikurangkan kepada RM3 bilion berbanding anggaran asal kira-kira RM4.2 bilion.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan terus mengekalkan tawaran pembinaan projek itu kepada konsortium tiga syarikat dan mencari sumber kewangan bagi membantu mereka.

Ibrahim yang turut bertanggungjawab kepada JPP Kelantan dalam memantau pelaksanaan projek di negeri ini, berkata rakyat Kelantan akan mendapat faedah besar seperti mana yang dinikmati oleh rakyat di negeri jiran, sekiranya memilih BN kerana setiap negeri penting mempunyai kerajaan yang selari dengan peringkat pusat.

"Kerajaan Pusat yang didukung Umno dan BN akan menentukan pembangunan lebih pesat melalui pelaksanaan projek kerana ia mudah dilaksanakan disebabkan mendapat sokongan rakyat.

"Ini kerana setiap projek memerlukan pengambilan tanah dan sekiranya kerajaan negeri berlainan seperti Kelantan sekarang, ia menyukarkan pembangunan dilaksanakan," katanya Beliau berkata, rakyat akan mengalami perubahan terutama dari segi kemajuan apabila memberi kepercayaan kepada BN pada pilihan raya umum akan datang.

(END)